

15/10/1998

Negara huru-hara jika demokrasi diganggu

SHAH ALAM, Rabu - Malaysia akan mengalami huru-hara jika proses demokrasi dan kehakiman di negara ini diganggu dan diketepikan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sejak merdeka, Malaysia menerima sistem demokrasi sebagai cara pemerintahan bagi menggantikan sistem feudalisme.

Menerusi demokrasi, katanya, rakyat mempunyai hak menyuarakan pandangan dan menentukan kerajaan yang dipilih melalui proses pilihan raya.

Beliau berkata, sebarang keputusan pilihan raya umum akan diterima rakyat yang mana parti yang menang akan membentuk kerajaan dan pihak yang kalah akan menjadi pembangkang.

Bagaimanapun, katanya, di sesetengah negara, ada pihak yang kalah, tidak mahu menerima keputusan rakyat, lalu mengadakan tunjuk perasaan dan rusuhan menyebabkan kerajaan tidak akan menjalankan tugas dengan lancar.

"Alhamdulillah, di negara ini parti pembangkang tidak mengadakan tunjuk perasaan atau rusuhan di jalan raya sebaliknya mengadakan perbahasan dalam dewan. Itu adalah cara demokrasi yang kita terima.

"Amat malang sekali jika proses demokrasi dan kehakiman diketepikan. Kalau kita ketepikan proses demokrasi dalam pemilihan dan proses kehakiman apabila berlaku jenayah, negara akan huru-hara.

"Saya berasa amat penting kita menyedari nikmat aman damai yang diterima di Malaysia. Ia bukan sesuatu yang terjadi dengan sendiri, sebaliknya wujud dengan usaha kita dan wajar dipertahankan," katanya ketika berucap pada majlis sambutan Hari Perpaduan peringkat Kebangsaan di sini, hari ini.

Hadir sama, isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail dan Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar.

Mengenai proses kehakiman di negara ini, Dr Mahathir berkata, proses undang-undang memberi keadilan kepada semua pihak dan meminta rakyat patuh kepada undang-undang sedia ada.

Katanya, jika ada pihak tidak puas hati dengan keputusan hakim di mahkamah, mereka boleh membuat rayuan kepada mahkamah yang lebih tinggi.

"Undang-undang kita ada tertib, tidak memihak kepada siapa pun yang membuat kesalahan sama ada ia pembesar kerajaan atau pegawai paling rendah. Undang-undang kita tidak pilih kasih.

"Kita semua terima sistem kehakiman kita sendiri. Orang kita pergi ke mahkamah untuk mendapatkan penyelesaian dengan cara yang tertib. Dengan itu negara akan jadi aman," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, jika seseorang mahu menggunakan kekuatan untuk menentukan keadilan, huru-hara akan berlaku.

"Seperti orang salah, cuba menunjukkan bahawa beliau tidak bersalah menerusi kekerasan, maknanya keadilan tidak tercapai," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini, ada pegawai kerajaan dan menteri Kabinet yang dihukum dengan kesalahan yang berat tetapi Kabinet tidak membantah dan tiada orang yang tunjuk perasaan.

Katanya, jika ada yang tidak berpuas hati dengan undang-undang tertentu, mereka boleh berusaha menukarnya menerusi perbahasan dalam Parlimen.

Mengenai hidup berjiran, Dr Mahathir menasihati rakyat supaya sentiasa menghormati sensitiviti dan pandangan orang lain supaya negara dapat hidup aman.

Perdana Menteri juga meminta rakyat berbilang kaum dan agama supaya

mengekalkan perpaduan yang wujud ketika ini bagi mengelakkan perpecahan antara kaum dan agama seperti berlaku di negara lain.

Mengulas lanjut dalam sidang akhbar selepas itu, Perdana Menteri menjelaskan, ketika ini, terdapat pihak yang seolah-olah tidak begitu suka kepada cara demokrasi dan cara perundangan.

"Yang penting mereka cuba alih kepada pentadbiran cara gangster (mob rule) dan "street justice".

"Mereka ingin selesaikan masalah dan mengadili melalui siapa lebih kuat, dan siapa lebih sanggup untuk mencetuskan huru hara

"Jika kita pergi ke arah itu, saya khuatir negara kita tidak aman dan rakyat menderita kerana apa yang satu pihak buat, pihak lain akan buat. Jadi, kalau ada macam itu nanti, ada pertembungan," katanya.

(END)